

# InfoINDUSTRI

Isu 13 | 30 November 2012



## Majlis Sambutan Awal Tahun Hijrah 1434



Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) dan jabatan-jabatan serta bahagian-bahagian di bawahnya telah mengadakan Majlis Sambutan Awal Tahun Hijrah 1434 pada 22 November 2012 bersamaan dengan 8 Muharram 1434H bertempat di Dewan Setia Pahlawan, Bangunan KPSSU, Jalan Menteri Besar, Berakas yang diselaraskan oleh Jabatan Perhutanan. Hadir selaku tetamu kehormat ialah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awg Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Perindustrian

dan Sumber-Sumber Utama. Turut hadir ialah Yang Mulia Dyg Hajah Normah Suria Hayati bte Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr) Awg Haji Md Jamil Al-Sufri, Setiausaha Tetap KPSSU, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai Kanan, kakitangan Jabatan-Jabatan dan Bahagian-Bahagian di bawah Kementerian berkenaan.

Majlis didahului dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran dan terjemahannya serta intisari ayat berkenaan dan seterusnya diikuti dengan satu ceramah khas

Majlis Sambutan Awal Tahun Hijrah 1434

Bahagian Hidupan Liar Ditubuhkan di KPSSU

Kumpulan SEAHOG Ke-2 Singgah di Negara Brunei Darussalam

Pesta Pertanian, Perikanan dan Agrimakanan 2012 Berakhir dengan Penuh Kemeriahian

Dialog Perikanan di Temburong

Muzakarah Perikanan Dijalankan

Majlis tersebut adalah merupakan kegiatan tahunan yang diadakan oleh Kementerian ini, dan lebih dari 200 orang pegawai dan kakitangan KPSSU telah menghadirinya.

disampaikan oleh Penceramah Undangan dari Pusat Dakwah Islamiah. Majlis pada petang itu juga diselanjurkan dengan Dikir Marhaban bagi meraikan dan mengalungkan seorang saudara baru memeluk Islam di Kementerian berkenaan. Majlis diakhiri dengan bacaan doa kesyukuran awal tahun hijrah 1434 bagi memohon restu daripada Allah Subhanahu Wata'ala bagi sepanjang tahun 1434 Hijrah ini. Majlis tersebut adalah merupakan kegiatan tahunan yang diadakan oleh Kementerian ini, dan lebih dari 200 orang pegawai dan kakitangan KPSSU telah menghadirinya.



“ Saya penuh berharap dengan tertubuhnya Bahagian baru ini dan dengan sokongan serta kerjasama padu daripada agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan yang mempunyai kepentingan bersama, kita akan dapat berganding bahu demi merealisasikan hasrat kerajaan menjadikan Negara Brunei Darussalam ini bukan sahaja kaya dengan hasil minyak dan gasnya tetapi juga kaya dengan hidupan liar dan flora dan fauna untuk tatapan kita dan generasi akan datang. ”

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awg Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama

## Bahagian Hidupan Liar Ditubuhkan di KPSSU

**S**atu Majlis Perasmian Penubuhan Bahagian Hidupan Liar telah diadakan di Dewan Setia Pahlawan, Bangunan KPSSU pada Hari Rabu, 28 November 2012. Hadir selaku tetamu kehormat ialah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awg Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Dalam ucaptamanya, Yang Berhormat Pehin Menteri turut menyatakan bahawa Penubuhan Bahagian Hidupan Liar di bawah KPSSU adalah untuk penyelarasan pengurusan dan pemantauan hidupan liar yang lebih berkesan dan teratur yang melambangkan komitmen yang

berterusan dan kesungguhan pihak kerajaan dalam mengemaskinikan dan memperkesankan pengurusan hal ehwal dan isu-isu hidupan liar di negara ini.

Yang Berhormat Pehin juga menambah bahawa perundangan yang sedia ada perlu penggubalan untuk penambahbaikan selaras dengan keperluan perkembangan semasa agar ianya setanding dengan perundangan yang berkuatkuasa di peringkat serantau dan antarabangsa, khususnya dalam usaha untuk mengawal selia spesies-spesies binatang dan tumbuhan liar daripada terancam dan menghadapi kepupusan disebabkan oleh pengambilan dan perdagangan secara haram.



## Kumpulan SEAHOG Ke-2 Singgah di Negara Brunei Darussalam



Jawatankuasa bersama Kumpulan Pemilik Motosikal Harley Davidson Asia Tenggara (SEAHOG) dengan kerjasama Kementerian Pelancongan Sarawak telah melancarkan perhimpunan SEAHOG Ke-2 di Borneo yang berlangsung dari 15 November hingga 23 November 2012. Acara besar tersebut menyaksikan sejumlah lebih daripada 200 pemilik Harley Davidson menunggang motosikal dari Kuching ke Negara Brunei Darussalam dan balik, meliputi jarak perjalanan

sejauh 1,873km melalui jalan-jalan yang menunjukkan keindahan Borneo dengan persinggahan di bandar-bandar utama, kampung-kampung dan destinasi pelancongan.

Pada 19 November, Pelancongan Brunei dan wakil-wakil dari 'HOG Brunei Chapter' mengalu-alukan kumpulan motosikal SEAHOG semasa mereka berhenti di Negara Brunei Darussalam untuk majlis makan tengah hari di Waterfront, yang

ikonik di Bandar Seri Begawan. Para peserta perhimpunan telah dibawa melawat ke Kampong Ayer dan diberi peluang bersiar-siar dengan menunggang motosikal mereka sambil menikmati pemandangan indah di sekitar Bandar Seri Begawan. Para peserta juga telah diraikan dalam jamuan makan malam dan bermalam di sebuah hotel di Negara Brunei Darussalam, ihsan Brunei Dealership dan pihak berkuasa tempatan sebelum bergerak ke destinasi mereka seterusnya.

# Pesta Pertanian, Perikanan dan Agrimakanan 2012

## Berakhir dengan Penuh Kemeriahian



Pesta Pertanian, Perikanan dan Agrimakanan 2012 yang berlangsung selama seminggu di Jerudong Park Amphitheatre, Kampung Jerudong, telah ditutup secara rasmi pada 20 November 2012 oleh tetamu kehormat, Yang Mulia Dyr Hajah Normah Suria Hayati bte Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr) Haji Awg Mohd Jamil Al-Sufri, Setiausaha Tetap KPSSU. Menurut KPSSU, pesta tersebut telah berjaya menarik kira-kira 25,000 pelawat.

Sijil-sijil penghargaan dan cenderamata telah disampaikan kepada hakim-hakim Anugerah Peladang, Petani, Pernnak dan Nelayan 2012 manakala sijil-sijil penghargaan telah diserahkan kepada penaja-penaja. Penyerahan sijil-sijil tersebut disempurnakan oleh tetamu kehormat, Yang Mulia Dayang Hajah Normah. Turut hadir semasa majlis penutup ialah Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap KPSSU, Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, serta nelayan, pengeluar dan usahawan yang telah mengambil bahagian dalam pesta ini.



## Muzakarah Perikanan Dijalankan

Pada Hari Khamis, 22 November 2012, dalam usaha Jabatan Perikanan, KPSSU untuk meraikan sempena sambutan Hari Peladang, Petani, Pernnak dan Nelayan 2012 di ke empat-empat daerah, satu muzakarah dengan para pengusaha industri perikanan telah diadakan. Sebelum muzakarah ini dilaksanakan, Jabatan Perikanan telah mengungkayahkan penjualan dari industri akuakultur Daerah Tutong seperti udang rostris dan ikan keli, di Tamu dan Pasarneka Daerah Tutong. Jualan ini telah mendapat sambutan yang baik dari pengunjung-pengunjungnya.

Pemangku Pengarah Perikanan dan pegawai-pegawai dari Jabatan Perikanan kemudiannya telah mengadakan sesi muzakarah bersama pengusaha ternakan ikan dan udang dan nelayan bertempat di Dewan Serbaguna Serambangun Tutong. Ianya bertujuan bagi mengeratkan lagi silaturrahim dan secara langsung satu pendekatan antara pegawai perikanan dan pengusaha industri perikanan untuk berkongsi sama isu-isu keperluan industri dan memantapkan lagi perkhidmatan Jabatan Perikanan dalam memberi bantuan untuk meningkatkan hasil perusahaan mereka dan untuk bekerjasama berusaha menangani masalah yang dihadapi oleh industri perikanan secara amnya.



## Dialog Perikanan di Temburong



Bersamaan dengan sambutan Hari Peladang, Petani, Pernnak dan Nelayan 2012, Jabatan Perikanan, KPSSU telah mengadakan muzakarah bersama pengusaha ternakan industri akuakultur dan nelayan di Daerah Temburong pada Hari Isnin, 26 November 2012 di Kompleks Bumiputra Temburong. Muzakarah tersebut telah dipengerusikan oleh Pemangku Pengarah Perikanan. Tujuan dialog berkenaan ialah untuk mengeratkan lagi silaturrahim antara Jabatan Perikanan dan para pengusaha industri perikanan. Sesi taklimat mengenai 'Industri Pemprosesan Makanan Laut di Negara Brunei Darussalam' dan 'Pemeliharaan dan Penghasilan Udang Galah' juga disampaikan semasa muzakarah itu – bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai perniagaan yang lumayan ini di kalangan pengusaha-pengusaha perikanan dan nelayan.

Sebelum itu, tatkala menyusur sungai menuju Pekan Bangar, kira-kira sebanyak 15,000 ekor anak udang galah telah dilepaskan ke dalam sungai oleh Pemangku Pengarah Perikanan sebagai tetamu kehormat. Pelepasan ini adalah bertujuan bagi pembiakan udang galah di kawasan tersebut supaya penghasilan udang galah akan berterusan dan meningkat di negara ini.

“ Bagi memastikan sekuriti makanan Negara sentiasa terjamin, Jabatan Perikanan akan terus berusaha melaksanakan segala strategi dan program-program yang telah dirancang bagi meningkatkan pengeluaran hasil komoditi di samping meningkatkan nilai tambah produk perikanan. ”

Yang Mulia Awg Hj Abdul Halidi bin Mohd Salleh,  
Pemangku Pengarah Perikanan  
Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama

# Diari KPSSU

NOV  
24

## Kakitangan Baru KPSSU Menjalani Kursus Induksi

Kursus induksi perkhidmatan untuk 55 kakitangan baru KPSSU telah dijalankan pada 24, 26, 27, 28 dan 29 November 2012 di Dewan Setia Pahlawan, KPSSU. Penyampaian sijil telah disempurnakan oleh tetamu kehormat, Yang Mulia Pg Harun bin Pg Haji Aliuddin, Pengarah Pentadbiran dan Kewangan di KPSSU.

Kursus ini bertujuan untuk:

- Meningkatkan pengetahuan para peserta serta pemahaman mengenai tugas-tugas dan tanggungjawab

mereka dalam Kementerian dan Jabatan-Jabatan di bawahnya;

- Meningkatkan pengetahuan dan pemahaman peserta mengenai

perintah-perintah am dalam Perkhidmatan Awam seperti Peraturan-Peraturan Am, Peraturan-Peraturan Kewangan dan Keselamatan Kerajaan.



NOV  
27

## Bengkel Bagi Menangani Penangkapan Ikan Haram

Jabatan Perikanan, KPSSU telah mengadakan satu bengkel tiga hari (27 hingga 29 November 2012 mengenai 'Standard Operating Procedure (SOP) untuk Menguatkuasakan Pelan Tindakan Kebangsaan Negara Brunei Darussalam bagi Menangani Penangkapan Ikan Haram, Yang Tidak Dilaporkan dan Yang Tidak Mengikut Peraturan (NPOA-IUU Fishing)' bertempat di Centrepoint Hotel, Gadong. Yang Mulia Awg Hj Abdul Halidi bin Mohd Salleh, Pemangku Pengarah Perikanan telah mengalu-alukan peserta-peserta bengkel dari pelbagai agensi kerajaan seperti Tentera Laut Diraja Brunei, Polis Marin dan Jabatan Laut.

Bengkel tersebut yang telah dijalankan oleh Professor Martin Tsamenyi, Pengarah Australian National Centre for Oceans Resources and Security di Universiti Wollongong, Australia, meliputi isu-isu seperti:

- Pengenalan kepada United Nations Convention on the Law of the Sea (UNCLOS);
- Faktor risiko penangkapan ikan yang haram (IUU) di Negara Brunei Darussalam;
- Perintah Perikanan 2009 dan kesalahan-kesalahan Perikanan;

- Peranan agensi-agensi kerajaan dalam melaksanakan NPOA-IUU Fishing; dan
- Rangka kerja untuk kerjasama antara agensi-agensi kerajaan dalam pelbagai isu seperti pemantauan, pengumpulan bukti dan pendakwaan nelayan haram.

Ancaman yang serius terhadap kemampunan sumber perikanan Negara Brunei Darussalam adalah apa yang dikenali oleh negara-negara antarabangsa sebagai penangkapan ikan haram yang tidak dilaporkan dan tidak mengikut peraturan atau "IUU-Fishing" yang mana telah meningkat pada kadar yang sangat mencemaskan. Penangkapan ikan haram bukan saja akan menyebabkan kerugian dari segi kewangan bahkan ianya juga telah menyebabkan kerosakan kepada habitat perikanan dan persekitaran marin.

NOV  
29

## Kunjungan Hormat dari Australia



Tuan Yang Terutama Todd Norman Mercer, Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Negara Brunei Darussalam telah membuat kunjungan hormat kepada Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awg Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar pada 29 November 2012.

